



RINGKASAN EKSEKUTIF PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN

PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA

2021-2025



PRA KATA KETUA PENDAFTAR



YBhg. Dato' Hasbi Binti Hasan

Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia



Pelan Strategik Pendigitalan PKPMP 2021-2025 ini merupakan satu manifestasi PKPMP dalam mengekalkan kewibawaan institusi Kehakiman di Malaysia seiring dengan revolusi industri 4.0. Ia adalah satu pelan perancangan yang bersistematik dalam meningkatkan akses kepada keadilan dengan menyediakan platform pendigitalan yang lebih efisien dan berkualiti. Dalam hal ini, tumpuan bukan sahaja diberikan untuk menyepadukan aplikasi perkhidmatan kehakiman, tetapi juga bagi melahirkan budaya kerja dengan persekitaran digital yang lebih kondusif di PKPMP.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Melaksanakan pentadbiran kehakiman dengan adil, berkualiti, telus dan berlandaskan Perlembagaan dan Undang-Undang adalah merupakan objektif utama Badan Kehakiman Malaysia. Pengadaptasian teknologi terbaharu dalam era milenial dan pandemik telah membuktikan keupayaan digital dalam memudahkan penyampaian tugas serta perkhidmatan Mahkamah. Justeru, kini adalah masa yang tepat bagi mengoptimumkan penggunaan teknologi selaras dengan hasrat untuk meningkatkan akses terhadap keadilan, membina keyakinan masyarakat dan pemodenan pentadbiran. Adalah diharapkan melalui usaha ini akan dapat menjadikan Badan Kehakiman terus berwibawa berlandaskan kemajuan teknologi menjelang 2025.

Pelan Strategik Pendigitalan PKPMP 2021-2025 adalah merupakan satu manifestasi PKPMP dalam mengekalkan kewibawaan institusi Kehakiman di Malaysia seiring dengan revolusi industri 4.0. Ia adalah satu pelan perancangan yang bersistematik dalam meningkatkan akses kepada keadilan dengan menyediakan platform pendigitalan yang lebih dan berkualiti. Dalam hal ini, tumpuan bukan sahaja diberikan untuk menyepadukan aplikasi perkhidmatan kehakiman, tetapi juga bagi melahirkan budaya kerja dengan persekitaran digital yang lebih kondusif bagi kegunaan warga dan pemegang taruh PKPMP.

Saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada pasukan projek dan seluruh warga kerja PKPMP yang telah menyumbangkan idea, bimbingan, pandangan dan usaha sehingga terhasilnya Pelan Strategik Pendigitalan PKPMP 2021-2025 demi mempertingkatkan akses kepada keadilan di Malaysia.



YBrs. Tuan Zamri bin Bakar

Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
Malaysia Merangkap Ketua Pegawai Maklumat (CIO)

PRAKATA CHIEF DIGITAL OFFICER CDO TIMBALAN KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA



Saya berharap Pelan Strategik Pendigitalan PKPMP 2021-2025 akan berjaya merealisasikan hala tuju strategik induk PKPMP 2021-2025 seiring dengan Agenda Transformasi Kerajaan serta Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12). Melalui perancangan secara berfokus dan strategi yang jelas, saya percaya program-program pendigitalan yang dirancang dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan Kehakiman, relevan dengan keadaan semasa dan menepati hasrat pemegang taruh PKPMP.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Syabas dan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan atas usaha gigih dan komitmen dalam membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan PKPMP 2021-2025. Pelan Strategik Pendigitalan yang komprehensif dan inklusif hasil daripada perbincangan intensif pasukan projek serta pandangan daripada pengurusan tertinggi PKPMP ini diyakini dapat menjadi landasan kepada lonjakan pelaksanaan pentadbiran kehakiman yang adil, berkualiti, telus dan

Saya berharap Pelan Strategik Pendigitalan PKPMP 2021-2025 akan berjaya merealisasikan hala tuju strategik induk PKPMP 2021-2025 seiring dengan Agenda Transformasi Kerajaan serta Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12).

Melalui perancangan secara berfokus dan strategi yang jelas, saya percaya program-program pendigitalan yang dirancang meningkatkan kualiti perkhidmatan Kehakiman, relevan dengan keadaan semasa dan menepati hasrat pemegang taruh PKPMP.

Dalam usaha melaksanakan misi PKPMP iaitu mengoptimumkan penggunaan teknologi bagi mempertingkatkan akses

kepada keadilan, maka empat teras strategik telah dirangka dalam Pelan Strategik Pendigitalan. Teras strategik pertama fokus kepada perkhidmatan digital kehakiman yang inklusif dengan peningkatan kualiti aplikasi dan perluasan penggunaannya. Teras strategik kedua menitikberatkan pemantapan tenaga kerja digital dari segi tadbir urus, kemahiran dan bakat di samping mengukuhkan budaya pendigitalan yang lebih persuasif. Teras strategik ketiga pula berhasrat untuk memodenkan infrastruktur PKPMP bagi melahirkan persekitaran kerja digital yang lebih dinamik, tersedia dan selamat. Teras strategik keempat menjelaskan hala tuju untuk memanfaatkan penggunaan data dan kepintaran buatan bagi kualiti perkhidmatan yang lebih berpandukan data dan berintegriti.

Akhir kata, saya menyeru seluruh warga PKPMP untuk berganding bahu menjulang iltizam bagi memastikan pendigitalan sebagai pemacu pemodenan Badan Kehakiman. Semoga segala perancangan dan strategi yang dibina bersama ini dapat kita jayakan dengan cemerlang. Komitmen yang padu daripada warga Badan Kehakiman Malaysia serta jalinan kerjasama yang baik dengan pemegang taruh amatlah diperlukan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program dalam Pelan Strategik Pendigitalan ini.



Encik Rummie Wisning

Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat
Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

PRAKATA PENGARAH BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT



Dengan misi “Pendigitalan penyampaian perkhidmatan Badan Kehakiman melalui ekosistem digital mampan” maka terdapat pembentukan empat teras strategik yang merangkumi Aplikasi, Tadbir Urus & keupayaan ICT, Infrastruktur & Analitik SME. Berdasarkan empat teras tersebut, 13 strategi dan 29 program telah diformulasi secara berstruktur dan mempunyai inisiatif serta petunjuk yang jelas bagi pelaksanaannya dalam lima tahun akan datang. Adalah diharapkan melalui pelaksanaan ini dapat mencapai visi pendigitalan PKPMP iaitu “Pendigitalan Pemacu Pemodenan Badan Kehakiman”.

Salam Sejahtera PKPMP,

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada seluruh warga PKPMP dan pasukan projek atas segala usaha dan kerja keras yang telah diberikan serta ucapan penghargaan kepada pihak Pengurusan Tertinggi PKPMP di atas sokongan dan pandangan dalam menghasilkan Pelan Strategik Pendigitalan PKPMP 2021-2025. Dengan misi “Pendigitalan penyampaian perkhidmatan Badan Kehakiman melalui ekosistem digital mampan” maka terdapat pembentukan empat teras strategik yang merangkumi Aplikasi, Tadbir Urus & keupayaan ICT, Infrastruktur & Analitik SME. Berdasarkan empat teras tersebut, 13 strategi dan 29 program telah diformulasi secara berstruktur dan mempunyai inisiatif serta petunjuk yang jelas bagi pelaksanaannya dalam lima tahun akan datang. Adalah diharapkan melalui pelaksanaan ini dapat mencapai visi pendigitalan PKPMP iaitu “Pendigitalan Pemacu Pemodenan Badan Kehakiman”.

Melalui pelan strategik pendigitalan, pelaksanaan program sedia ada akan diperkukuh dan beberapa program baharu yang diperkenalkan berpotensi untuk

memberi nilai tambah kepada warga dan pemegang taruh PKPMP. Tumpuan turut diberikan kepada pemusatan dan integrasi aplikasi secara bersepadu di bawah payung eKehakiman, peningkatan digital skills and talents, adaptasi teknologi terbaharu dan ekosistem data raya bagi memanfaatkan analitik dan kepintaran buatan dalam perkhidmatan Kehakiman. Pemantauan secara berterusan serta pelaporan secara berkala juga akan dilaksanakan untuk memastikan Pelan Strategik Pendigitalan PKPMP 2021-2025 terlaksana dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Harapan saya adalah agar seluruh warga PKPMP dapat bersama-sama menjayakan visi dan misi yang diikrarkan di dalam Pelan Strategik Pendigitalan PKPMP 2021-2025. Sesungguhnya visi dan misi ini akan dapat dicapai jika seluruh jentera PKPMP membulatkan tekad dengan memastikan semua perancangan dan program pembangunan dilaksanakan dengan berkesan menerusi dokumen pelan strategik ini. Semoga komitmen tinggi seluruh warga PKPMP untuk merealisasikan strategi pendigitalan ini akan meningkatkan kualiti pentadbiran kehakiman dalam memberi perkhidmatan keadilan yang terbaik kepada rakyat Malaysia.

1.1. PENGENALAN

Projek ini bertujuan untuk membangunkan Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) sebagai sumber rujukan utama dalam menetapkan hala tuju Pendigitalan PKPMP secara komprehensif bagi tempoh masa lima tahun. PSP menjadi garis panduan bagi pelaksanaan projek ICT dan hala tuju Pendigitalan PKPMP bermula pada tahun 2021 hingga 2025 dan ia dibangunkan bagi meneruskan kesinambungan Pelan Strategik ICT (ISP) PKPMP 2017-2020 yang telah tamat tempohnya.


PSP berpotensi menjadikan teknologi sebagai pemangkin utama dalam perancangan, pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan PKPMP secara lebih sistematik dan efisien dalam tempoh lima tahun akan datang. Ini kerana Pelan Strategik Badan Kehakiman Malaysia Tahun 2021-2025 begitu menekankan keperluan teknologi ke arah Badan Kehakiman yang lebih unggul dan berwibawa. Justeru, pembangunan PSP akan memastikan hala tuju strategik, program dan aktiviti pendigitalan yang dirancang mestilah menyokong Pelan Strategik Badan Kehakiman 2021-2025. Antaranya ialah dengan memastikan teknologi pemeraksanaan akses terhadap keadilan, kesedaran dan sebaran maklumat bagi meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap badan kehakiman dan pemodenan pentadbiran PKPMP secara keseluruhannya.

Pembangunan PSP ini dipastikan sejajar dengan hala tuju strategik digital sektor awam, maka proses pembangunannya menggunakan metodologi PerSI dan berpanduan kepada Pelan Pendigitalan Strategik Sektor Awam 2021-2025 yang telah digariskan oleh pihak MAMPU.

Justeru, dokumen akan menjelaskan secara lebih terperinci objektif, skop, metodologi, serahan utama, kapasiti sumber dan masa, struktur pentadbiran dan pelaporan, faktor kritikal, risiko dan impak pembangunan PSP kepada PKPMP dan pemegang taruh.

1.2. OBJEKTIF

Pembangunan PSP PKPMP 2021-2025 adalah bertujuan menyediakan satu rangka kerja pelan Pendigitalan PKPMP yang komprehensif dan holistik bagi tempoh lima tahun bermula dari 2021 sehingga 2025. Objektif PSP PKPMP 2021-2025 adalah seperti berikut:



1.3. SKOP PROJEK

Skop pembangunan pelan ini mengambil kira keperluan penggunaan dan implementasi ICT di bawah tanggungjawab PKPMP. Pembangunan PSP PKPMP 2021–2025 dilaksanakan berdasarkan keperluan ekosistem ICT yang merangkumi empat domain utama berikut:




Penjajaran PSP PKPMP 2021-2025 akan dilaksanakan dengan kerjasama Pakar Bidang Khusus / *Subject Matter Division* (SMD) di bawah perkhidmatan utama PKPMP seperti berikut:

- i. Bahagian Dasar dan Perundangan
- ii. Bahagian e-Kehakiman
- iii. Bahagian Teknologi Maklumat
- iv. Bahagian Pembangunan Strategik dan Latihan
- v. Bahagian Pengurusan
- vi. Bahagian Komunikasi Korporat
- vii. Pegawai Kehakiman Semenanjung, Sabah dan Sarawak
- viii. Unit Penyelidikan
- ix. Perpustakaan

1.4. METODOLOGI DAN PENDEKATAN PROJEK

PSP PKPMP 2021-2025 dibangunkan dengan mendapat khidmat kepakaran daripada perunding. Namun, bagi memastikan PSP yang dibangunkan ini adalah selaras dengan hala tuju dan garis panduan yang dicadangkan oleh pihak MAMPU maka metodologi pembangunan PSP ini adalah berdasarkan Panduan Perancangan Strategik ICT (PerSI) yang dibangunkan oleh MAMPU seperti **Rajah 1-1**.



Rajah 1-1: Metodologi Perancangan Strategik ICT (PerSI)

Skop kerja PSP PKPMP 2021-2025 merangkumi 5 Fasa yang akan dilaksanakan dalam jadual pelaksanaan dengan metodologi berdasarkan Panduan Perancangan Strategik ICT (PerSI) yang dibangunkan oleh MAMPU seperti berikut:

- i. Melaksanakan kajian persekitaran semasa bisnes organisasi dan keperluan ICT PKPMP menggunakan pendekatan metodologi PerSI;

- ii. Membangunkan visi, misi, hala tuju, strategik dan teras strategi dan program bagi pembangunan PSP PKPMP 2021-2025;
- iii. Menyediakan pelan pelaksanaan dan mengenal pasti strategi pelaksanaan projek secara terperinci merangkumi anggaran kos, tempoh, keutamaan, jadual pelaksanaan dan langkah pelaksanaan utama;
- iv. Menyediakan laporan Pelan Strategik Pendigitalan yang lengkap selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh MAMPU.

1.5. STRUKTUR TADBIR URUS PASUKAN PROJEK


Pasukan projek adalah berperanan untuk mengenalpasti, mengkaji, menyelaraskan dan memantau secara keseluruhan pembangunan PSP PKPMP. Pasukan projek ini menunjukkan keterlibatan daripada semua bahagian PKPMP seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 1-2**. Komitmen daripada pihak pengurusan dalam projek ini adalah seperti senarai berikut:

- **PENAUNG:** YBhg. Dato' Hasbi Binti Hasan
Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia
- **PENGARAH PROJEK:** Tuan Zamri Bin Bakar
Timbalan Ketua Pendaftar Merangkap *Chief Digital Officer (CDO)*
Pejabat Timbalan Ketua Pendaftar
- **PENGURUS PROJEK:** Encik Rummie Wisning
Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat

PSP PKPMP mempunyai empat pasukan teras bagi memastikan PSP yang dirancang adalah memenuhi keperluan aplikasi, kepintaran data, infrastruktur, tadbir urus dan keupayaan digital. Empat pasukan yang dibentuk adalah seperti berikut:

- Pasukan Pendigitalan Aplikasi
- Pasukan Kepintaran Data, Analitik dan SME.
- Pasukan Pendigitalan Infrastruktur dan Keselamatan Siber.
- Pasukan Pengurusan Perubahan Perkhidmatan, Kompetensi dan Tadbir Urus Digital.

Dari segi pengurusan projek, Pejabat Pengurusan Projek (PMO) telah dibentuk dengan keahlian seramai 6 orang urusetia yang akan terlibat secara aktif. Disamping itu juga, lantikan perunding turut dibuat bagi memudahkan secara *coaching* bagi keseluruhan aktiviti dalam setiap fasa pembangunan PSP. Peranan dan fungsi setiap pihak yang terlibat akan diterangkan secara lebih lanjut dalam perenggan seterusnya.



Rajah 1-2: Pasukan Projek PSP PKPMP 2021-2025

Peranan dan fungsi pasukan tadbir urus Pasukan Projek Pembangunan PSP PKPMP 2021 – 2025 seperti di dalam jadual berikut:

Jadual 1-1: Peranan dan Fungsi Pasukan Projek

PERANAN	FUNGSI
Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT)	a) Meluluskan strategi pelaksanaan projek; b) Memantau perkembangan projek agar selari dengan jadual dan Terma Rujukan yang telah dipersetujui; c) Memperakui <i>key deliverables</i>; d) Membuat keputusan berkenaan permohonan pertukaran skop, belanjawan dan tempoh kerja; dan e) Memastikan sokongan dari pihak atasan bagi melancarkan pelaksanaan projek.
Pengarah Projek	a) Memantau kemajuan pelaksanaan projek berdasarkan jadual pelaksanaan yang telah ditetapkan; b) Menyemak dan mengesahkan serahan projek; c) Memantau isu dan masalah pelaksanaan projek dan memberi cadangan penyelesaian; d) Melaporkan status pelaksanaan projek dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT; dan e) Membentangkan Hala Tuju Strategik Pendigitalan, Pelan Pelaksanaan dan dokumen PSP PKPMP dalam Mesyuarat JPICT untuk kelulusan.
Pengurus Projek	a) Menyediakan dan melaporkan status pelaksanaan projek kepada Pengarah Projek; b) Merancang serta menyediakan hala tuju dan strategi projek; c) Mengenal pasti aktiviti projek dan jadual pelaksanaan secara terperinci; d) Mengenal pasti isu dan masalah pelaksanaan projek dan memberi cadangan penyelesaian; e) Membuat semakan pada semua serahan projek bagi menjamin kualiti serahan; f) Memantau status pelaksanaan aktiviti pasukan projek; dan g) Menyelaraskan penyediaan dokumentasi projek

Pihak Perunding Keseluruhan Projek	Memberi khidmat secara perundingan bagi keseluruhan aktiviti dalam setiap fasa bagi pembangunan PSP. Diantara aktiviti utama adalah seperti berikut: a) Melaksanakan penilaian bisnes dan ICT; b) Melaksanakan analisis jurang ICT; c) Menetapkan Visi, Misi, Teras Strategik, Strategi dan Program Pendigitalan; d) Membangunkan Pelan Pelaksanaan Pendigitalan yang merangkumi pelan tindakan, anggaran kos dan prioriti pelaksanaan; e) Menguruskan Bengkel PSP dan menyediakan fasilitator bagi membantu perbincangan setiap kumpulan bengkel; f) Menyelaraskan dan menyediakan semua laporan projek dan dokumen PSP; g) Mendokumentasikan semua serahan projek; h) Menguruskan rekabentuk, cetakan dan edaran dokumen; dan i) Penulisan Dokumen PSP PKPMP.
Pasukan Projek Pendigitalan Aplikasi	a) Mendapatkan maklumat dan perancangan keperluan aplikasi, integrasi sistem dan pangkalan data. b) Mengkaji dan mengenal pasti keperluan program aplikasi yang berkaitan fungsi teras (<i>Core Business</i>); - o Mengkaji keperluan penyediaan platform dan perisian yang boleh digunakan untuk melaksanakan penyiasatan; - o Mengkaji keperluan pengukuhan dan peningkatan sistem sedia ada; - o Mengenal pasti isu dan masalah pelaksanaan kajian dan cadangan penyelesaian; - o Mengkaji keperluan pengintegrasian aplikasi dalaman dan sistem sekunder Jabatan; - o Mengkaji kepelbagaian pemodenan, perkhidmatan dan penyebaran dalam bidang perundangan. c) Mengurus semua maklumat yang diperolehi semasa perbincangan. d) Memastikan aktiviti kajian dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaan yang ditentukan. e) Mengenalpasti isu dan masalah pelaksanaan kajian dan cadangan penyelesaian. f) Melapor kepada pengarah dan pengurus projek status kemajuan aktiviti. g) Menyediakan dokumen serahan kajian mengikut bidang yang telah ditentukan. h) Membantu dalam penyediaan laporan interim dan penulisan laporan akhir kajian.
Pasukan Projek Kepintaran Data, Analitik dan SME.	a) Mendapatkan maklumat dan perancangan program-program berkaitan kepintaran data (AI), data analitik dan subject matter expert (SME). b) Mengurus semua maklumat yang diperolehi semasa perbincangan. c) Memastikan aktiviti kajian dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaan yang ditentukan.

	d) Mengenalpasti isu dan masalah pelaksanaan kajian dan cadangan penyelesaian. e) Melapor kepada pengarah dan pengurus projek status kemajuan aktiviti. f) Menyediakan dokumen serahan kajian mengikut bidang yang telah ditentukan. g) Membantu dalam penyediaan laporan interim dan penulisan laporan akhir kajian.
Pasukan Projek Pendigitalan Infrastruktur dan Keselamatan Siber	a) Mendapatkan maklumat dan perancangan keperluan infrastruktur, rangkaian, pusat data, <i>disaster recovery center</i> (DRC), peralatan <i>office automation</i> (OA) dan keselamatan siber. b) Mengkaji dan mengenal pasti keperluan infrastruktur pendigitalan bagi menyokong keperluan bisnes utama PKPMP dari segi; - o Mengkaji keperluan pemantapan infrastruktur ICT; - o Mengkaji keperluan capaian rangkaian di PKPMP; - o Mengkaji pelaksanaan inisiatif peningkatan keselamatan ICT; - o Mengenal pasti isu dan masalah pelaksanaan kajian dan cadangan penyelesaian; c) Mengurus semua maklumat yang diperolehi semasa perbincangan. d) Memastikan aktiviti kajian dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaan yang ditentukan. e) Mengenalpasti isu dan masalah pelaksanaan kajian dan cadangan penyelesaian. f) Melapor kepada pengarah dan pengurus projek status kemajuan aktiviti. g) Menyediakan dokumen serahan kajian mengikut bidang yang telah ditentukan. h) Membantu dalam penyediaan laporan interim dan penulisan laporan akhir kajian.
Pasukan Pengurusan Perubahan Perkhidmatan, Kompetensi dan Tadbir Urus Digital.	a) Mendapatkan maklumat dan perancangan keperluan pengurusan perubahan perkhidmatan, kompetensi dan tadbir urus digital. b) Mengkaji dan mengenal pasti hala tuju pelaksanaan pemodenan, pengurusan, perubahan perkhidmatan dan kompetensi digital. c) Mengkaji dan mengenal pasti keperluan pembangunan kepakaran penyelidikan dalam penggunaan perisian dan perkakasan ICT; d) Mengkaji dan mengenal pasti keperluan pembangunan kepakaran Personel ICT bagi menyokong bisnes PKPMP untuk membangunkan sistem yang lebih dinamik dan fleksibel; e) Mengurus semua maklumat yang diperolehi semasa perbincangan. f) Memastikan aktiviti kajian dilaksanakan mengikut jadual pelaksanaan yang ditentukan. g) Mengenalpasti isu dan masalah pelaksanaan kajian dan cadangan penyelesaian. h) Melapor kepada pengarah dan pengurus projek status kemajuan aktiviti. i) Menyediakan dokumen serahan kajian mengikut bidang j) yang telah ditentukan. k) Membantu dalam penyediaan laporan interim dan penulisan laporan akhir kajian.

Pejabat Pengurusan
Projek (PMO)

- a) Melaksanakan kerja-kerja keurusetiaan;
- b) Mengurus semua maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan perbincangan, bengkel dan Mesyuarat Pasukan Pembangunan PSP dan mendokumentasikan semua laporan projek.
- c) Menyelaras dan menyediakan dokumen serahan interim dan penulisan laporan akhir PSP.
- d) Memantau status pelaksanaan aktiviti pasukan projek;

Senarai nama pegawai yang terlibat dengan projek pembangunan PSP PKPMP 2021-2025 mengikut pasukan adalah seperti jadual berikut:

Jadual 1-2: Pegawai yang Terlibat dalam PSP PKPMP 2021-2025

PASUKAN PROJEK PENDIGITALAN APLIKASI

BIL	NAMA PEGAWAI/GRED/BAHAGIAN	PERANAN
1.	Tuan Mohamad Kamil Bin Nizam Pengarah Bahagian e-Kehakiman Jusa C	Ketua
2.	Tuan Nixon Kennedy Kumbong Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak (PMTSS) Jusa B	Ahli
3.	Puan umirah Binti Mar uki Pendaftar Mahkamah Rayuan (PMR) Jusa B	Ahli
4.	Puan Zaharah Binti Hussain Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya (PMT) Jusa C	Ahli
5.	Tuan A hani Teh Bin A man Teh Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya (PMRen) Jusa C	Ahli
6.	Puan Egusra Binti Ali Pengarah Mahkamah Sabah Jusa C	Ahli

7.	Puan Nurul Husna Binti Awang Timbalan Pendaftar Kanan, Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan Malaysia Jusa C	Ahli
8.	Tuan Jason Juga Hakim Sesyen, Mahkamah Kuching L54	Ahli
9.	Puan Elsie Primus Hakim Sesyen, Mahkamah Kota Kinabalu L54	Ahli
10.	Tuan Zulkifli Bin Abllah Timbalan Pengarah, Bahagian e-Kehakiman L54	Ahli
11.	Tuan Ashraf Rezal Bin Abdul Manan Timbalan Pendaftar, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur L52	Ahli
12.	Tuan Mohamed Aznin bin Dato' Mohamed Ariff Timbalan Pendaftar, Bahagian e-Kehakiman L48	Ahli
13.	Tuan Shah Wira bin Abdul Halim Majistret & Sesyen Mahkamah Putrajaya L48	Ahli
14.	Puan Analia Binti Kamaruddin Majistret Mahkamah Muar L44	Ahli
15.	Puan Nor Rihah Binti Khalid Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Teknologi Maklumat F44	Ahli
16.	Puan Rosnaida Binti Abdul Razak Penolong Pegawai Undang-Undang, e-Kehakiman (L29)	Urus Setia
17.	Encik Mohd Firdaus Bin Anuar Pen Pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Teknologi Maklumat FA29	Urus Setia

PASUKAN PROJEK KEPINTARAN DATA, ANALITIK DAN SME

BIL	NAMA PEGAWAI/GRED/BAHAGIAN	PERANAN
1.	Dr. Noradura Binti Hamzah Pengarah, Bahagian Dasar dan Perundangan Jusa C	Ketua
2.	Tuan Marutin Anak Pagan Hakim Sesyen Sibu Jusa C	Ahli
3.	Tuan Azrol Bin Abdullah Timbalan Pendaftar, Bahagian Dasar dan Perundangan L54	Ahli
4.	Tuan Muhamad Faizal Bin Ismail Timbalan Pendaftar, Bahagian e-Kehakiman L52	Ahli
5.	Tuan Mohd. Aizuddin Bin Zokeply Timbalan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu L48	Ahli
6.	Puan Sara Afiqah Binti Zulkipli Penolong Kanan Pendaftar, Bahagian Dasar dan Perundangan L44	Ahli
7.	Encik Mohamad Nazri Bin Omar Penolong Pengarah, Bahagian Teknologi Maklumat F41	Ahli
8.	Tuan Ahmad Afiq Bin Hasan Penolong Kanan Pendaftar, Unit Penyelidikan L41	Urus Setia
9.	Puan Norliyana Farhan Binti Mohd Yusof Pen Pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Teknologi Maklumat FA29	Urus Setia

**PASUKAN PROJEK PENDIGITALAN INFRASTRUKTUR
& KESELAMATAN CYBER**

BIL	NAMA PEGAWAI/GRED/BAHAGIAN	PERANAN
1.	Encik Salemi Bin Kamsari Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Teknologi Maklumat F44	Ketua
2.	Tuan Mohd. Faizal bin Ismail Timbalan Pendaftar, Bahagian e-Kehakiman L48	Ahli
3.	Encik Abbas Salimi Bin Hussain Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Teknologi Maklumat F44	Ahli
4.	Encik Hasfarizan Bin Abu Bakar Penolong Pengarah Kanan, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur F44	Ahli
5.	Encik Dzul Hanif bin Zainuddin Yahya Pen Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Bahagian Teknologi Maklumat FA32	Ahli
6.	Encik Mohd Zarimey bin Mat Husin Pen Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Bahagian Teknologi Maklumat FA32	Ahli
7.	Encik Hasfazaidi Bin Abu Hassan Pen Pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Teknologi Maklumat FA29	Urus Setia
8.	Puan Nor Azlina Binti Ahmat Pen Pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Teknologi Maklumat FA29	Urus Setia

**PASUKAN PROJEK PENGURUSAN PERUBAHAN PERKHIDMATAN,
KOMPETENSI DAN TADBIR URUS DIGITAL**

BIL	NAMA PEGAWAI/GRED/BAHAGIAN	PERANAN
1.	Puan Manira binti Mohd Nor Pengarah, Bahagian Pembangunan Strategik dan Latihan Jusa C	Ketua
2.	Encik Hasrizal Bin Zainul Ketua Penolong Pengarah Kanan, Seksyen Sumber Manusia Bahagian Pengurusan M52	Ahli

3.	Puan Suzarika Binti Sahak Pengarah, Bahagian Komunikasi Korporat L52	Ahli
4.	Puan Shafiza binti Datu Abdul Razak Tready Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Kuching L48	Ahli
5.	Puan Cindy Mc Juse Balitus Timbalan Pendaftar (Pentadbiran), Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu L48	Ahli
6.	Puan Norhanum Binti Hassan Timbalan Pendaftar, Bahagian e-Kehakiman L48	Ahli
7.	Encik Yusri Hakim Bin Yeop Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Teknologi Maklumat F44	Ahli
8.	Puan Ameera Mastura Binti Khamis Penolong Kanan Pendaftar, Bahagian Pembangunan Strategik & Latihan L44	Urus Setia
9.	Encik Mohamad Firdaus Iskandar Bin Dahalan Pen Pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Teknologi Maklumat FA29	Urus Setia

PEJABAT PENGURUSAN PROJEK (PMO)

BIL	NAMA PEGAWAI/GRED/BAHAGIAN	PERANAN
1.	En. Amri bin Jamil Timbalan Pengarah, Bahagian Teknologi Maklumat F48	Ketua
2.	Pn. Rosnita Binti Mohd Aripin Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Teknologi Maklumat F44	Ahli
3.	Puan Nur Aqilah Auni Najlaa Binti Aiyob Penolong Kanan Pendaftar L41	Ahli
4.	Puan Zarina binti Abdullah Sani Pen Pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Teknologi Maklumat F32	Ahli
5.	Puan Siti Norfirdaus binti Sulaiman Pen Pegawai Teknologi Maklumat, Bahagian Teknologi Maklumat F29	Urus Setia

6.	Puan Norlin Binti Mohd Noh Pembantu Tadbir, Bahagian Teknologi Maklumat N19	Urus Setia
----	--	-------------------

1.6. TEMPOH DAN JADUAL PELAKSANAAN

Tempoh pembangunan PSP dianggarkan selama enam bulan. **Jadual 1-3** menunjukkan perancangan projek yang akan dilaksanakan

Jadual 1-3: Jadual Pembangunan PSP PKPMP 2021-2025

Tempoh 1 September 2021 – 31 Ogos 2022

Aktiviti	Tempoh	2021																2022																																																							
		September				Oktober				November				Disember				Januari				Februari				Mac				April				Mei				Jun				Julai				Ogos																											
		1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4																																				
Pra Pembangunan Kick Off dan Permulaan Projek	3 minggu																																																																								
Fasa 1 - Mobilisasi Dokumen Permulaan Projek PSP PKPMP	3 minggu																																																																								
Fasa 2 - Analisis																																																																									
Pungutan Data Kualitatif	20 minggu																	Pungutan Data bagi setiap Pasukan Projek																																																							
Pungutan Data Soal Selidik	6 minggu																																	Warga PKPMP																																							
Analisis Persekitaran Bisnes dan ICT	16 minggu																																																																								
Fasa 3- Strategi																																																																									
Membangunkan hala tuju Strategik ICT PKPMP	11 minggu																																	Bengkel Pasukan Teras																																							
Fasa 4 - Formulasi																																																																									
Membangunkan Pelan Pelaksanaan	7 minggu																																									Bengkel Pelan Pelaksanaan 15-16 Jun 2022																															
Fasa 5 - Dokumentasi																																																																									
Penyediaan Dokumen PSP PKPMP 2021-2025	30 minggu	Draf Bab 1																Draf Bab 2																Analisis Bab 2								Draf Bab 3																Bab 4-8								Semakan							

VISI DAN MISI PKPMP

PSP PKPMP 2021-2025



VISI PKPMP

Menjadi Badan Kehakiman yang berwibawa berlandaskan kemajuan teknologi menjelang 2025

MISI PKPMP

Mengoptimumkan penggunaan teknologi dan memperkasa model insan bagi meningkatkan akses kepada keadilan

VISI DAN MISI PENDIGITALAN

PSP PKPMP 2021-2025

Visi Pendigitalan PKPMP 2021-2025

Pendigitalan Pemacu
Pemodenan Badan Kehakiman




Misi Pendigitalan PKPMP 2021-2025

Pendigitalan penyampaian perkhidmatan
Badan Kehakiman melalui ekosistem
digital mampan

TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN PKPMP

TERAS STRATEGIK 1

PERKHIDMATAN DIGITAL KEHAKIMAN YANG INKLUSIF



Objektif

1. Memusatkan pelbagai Perkhidmatan Digital Kehakiman di bawah Aplikasi eKehakiman.
2. Mengoptimum Pendigitalan dalam Perkhidmatan Kehakiman.
3. Memberikan Pengalaman Penggunaan Perkhidmatan Kehakiman yang Lebih Berkualiti (*Better Customer Experience*) Seiring dengan Perkembangan Teknologi Terbaharu

TERAS STRATEGIK 2

TADBIR URUS DAN KEUPAYAAN ICT YANG LEBIH KOMPREHENSIF




Objektif

1. Memantapkan struktur tadbir urus, kecekapan pengurusan dan pemantauan ICT.
2. Mengukuhkan digital skills and talents serta budaya pendigitalan yang lebih persuasif.

TERAS STRATEGIK PENDIGITALAN PKPMP

TERAS STRATEGIK 3

ADAPTASI TEKNOLOGI TERBAHARU DAN PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR PENDIGITALAN



Objektif

1. Memodenkan Infrastruktur PKPMP seiring dengan perkembangan teknologi terbaru bagi memenuhi keperluan persekitaran kerja digital.
2. Memastikan infrastruktur mahkamah dalam keadaan yang optimum bagi keselesaan pemegang taruh.
3. Meningkatkan dan memastikan keselamatan siber bagi perkhidmatan ICT lebih terjamin.

TERAS STRATEGIK 4


PEMANFAATAN PENGGUNAAN DATA DAN KEPINTARAN BUATAN YANG BERSEPADU



Objektif

1. Menjelaskan hala tuju, inisiatif, perancangan dan pelaksanaan analitik bagi mempertingkatkan kualiti penghakiman yang berkesan.
2. Memantapkan pengurusan ekosistem data raya kehakiman bersepadu yang lestari berpacuan kepintaran data.
3. Meningkatkan keupayaan kepintaran buatan sistem penghakiman yang lebih optimum.

PENJAJARAN STRATEGI PENDIGITALAN PKPMP DENGAN KERANGKA PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM 2021-2025



PENJAJARAN STRATEGI PENDIGITALAN DENGAN STRATEGI PKPMP



STRATEGI DAN PROGRAM




Strategi	Program	Objektif Program
S1. Kesepaduan Perkhidmatan Digital Kehakiman	P1. Integrasi pelbagai Perkhidmatan Digital Kehakiman	• Memusatkan pelbagai Perkhidmatan Digital Kehakiman. • Menyeragamkan pengurusan rekod dan data Kehakiman. • Memperluaskan perkhidmatan Kehakiman dengan Agensi Luar. • Menambahbaik integrasi berdasarkan dapatan kajian.
	P2. Penjajaran Semula Proses Bisnes dan Perkhidmatan Kehakiman berdasarkan Inovasi Pendigitalan	• Menyelaras dan mengemaskini proses bisnes sejajar dengan perkembangan semasa. • Melancarkan proses bisnes bagi kemudahan warga dan pemegang taruh mahkamah.
S2. Pemeriksaan Perkhidmatan Infrastruktur Pendigitalan	P1. Peluasan Aplikasi	Mengoptimumkan penggunaan aplikasi-aplikasi Kehakiman yang telah dibangunkan.
	P2. Aplikasi Baharu	Menambahbaik perkhidmatan melalui inisiatif digital.
	P3. Penaiktarafan Aplikasi sedia ada	Meningkatkan fungsi dan kepenggunaan aplikasi sedia ada.
S3. Peningkatan Kualiti dan <i>Digital Customer Experience</i> melalui adaptasi teknologi baharu	P1. Pengadaptasian Teknologi Baharu bagi perkhidmatan Kehakiman yang lebih Dinamik	Memastikan perkhidmatan Kehakiman seiring dengan Revolusi Industri 4.0.
	P2. Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Digital Kehakiman <i>for Better Customer Experience</i>	Meningkatkan <i>engagement</i> pengguna terhadap aplikasi Kehakiman.

STRATEGI DAN PROGRAM

TERAS STRATEGIK 2

TADBIR URUS DAN KEUPAYAAN ICT YANG LEBIH KOMPREHENSIF



Objektif

1. Memantapkan struktur tadbir urus, kecekapan pengurusan dan pemantauan ICT.
2. Mengukuhkan digital skills and talents serta budaya pendigitalan yang lebih persuasif.


Strategi	Program	Objektif Program
Tadbir Urus ICT		
S1. Pemeriksaan Tadbir Urus ICT selaras dengan Peningkatan Keperluan Digital di PKPMP	P1. Pementapan Struktur Organisasi Bahagian Teknologi Maklumat (BTM)	Memastikan bilangan perjawatan yang sesuai dengan keperluan pengurusan ICT di ibu pejabat serta cawangan-cawangan mahkamah di semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak.
	P2. Perancangan Pendigitalan secara kolektif dan menyeluruh.	Memastikan transformasi pendigitalan berlaku seiring perkembangan teknologi terkini.
	P3. Pengadaptasian ekosistem <i>Agility</i> bagi pelaksanaan dan Pengurusan Projek Pendigitalan.	• Mengukuhkan lagi ekosistem pengurusan projek mengikut keperluan terkini. • Menambahkan kemahiran pengurus projek berkaitan ICT supaya lebih efektif dan lestari.
S2. Pematuhan & Pemantauan ICT	P1. Pembangunan Garis Panduan ICT	Menyediakan panduan supaya pengguna jelas dengan peraturan/prosedur berkaitan ICT.
	P2. Pemantauan fasiliti dan keselamatan ICT	Memastikan infrastruktur keselamatan ICT adalah dalam keadaan yang optimum.

Keupayaan ICT		
S3. Pengukuhan <i>Digital Skills and Talents</i> (latihan ICT)	P1. Peningkatan <i>Digital Skills</i> di kalangan warga PKPMP.	- Menambah dan memperbaharui pengetahuan terhadap aplikasi secara berkala. - Memberi pendedahan terhadap teknologi baharu dan terkini.
	P2. Pengukuhan <i>Digital Talents</i> di kalangan kakitangan ICT	Meningkatkan bakat digital (<i>digital talents</i>) melalui pensijilan yang diperakui (<i>certified</i>) dalam bidang kepakaran dan tugas masing-masing.
	P3. Pengekalan Memori PKPMP (<i>Retention of Organizational Memory</i>)	Memastikan pengetahuan organisasi dapat disimpan dengan baik dan lestari untuk kegunaan, perkongsian dan pemindahan pengetahuan pada masa akan datang.
S4. Budaya Pendigitalan yang lebih Persuasif	P1. Peningkatan kesedaran terhadap impak digital dalam perkhidmatan PKPMP	Perancangan program kesedaran yang lebih <i>user-centered</i> , efektif dan informatif.
	P2. Promosi bagi meningkatkan keterlihatan (<i>increase visibility</i>) perkhidmatan digital PKPMP.	Memastikan inisiatif-inisiatif pendigitalan dan aplikasi PKPMP diketahui dan difahami oleh semua pihak yang terlibat.
	P3. Kajian Impak dan Kepuasan Pengguna Aplikasi menerusi <i>User Experience (UX)</i> .	- Membuat penilaian pengalaman pengguna (UX) dari masa ke semasa bagi memastikan pengguna berpuas hati dengan sistem/aplikasi di PKPMP. - Mengenal pasti sebarang isu dan permasalahan sistem/aplikasi untuk tujuan penambahbaikan secara berkala mengikut keperluan. - Mencadangkan keperluan penambahbaikan yang perlu untuk setiap sistem/aplikasi yang dinilai oleh pengguna. - Menjalankan kajian impak secara berkala terhadap sistem/aplikasi serta membuat pelaporan yang bersesuaian.

STRATEGI DAN PROGRAM

TERAS STRATEGIK 3

ADAPTASI TEKNOLOGI TERBAHARU DAN PEMERKASAAN INFRASTRUKTUR PENDIGITALAN




Objektif

1. Memodenkan Infrastruktur PKPMP seiring dengan perkembangan teknologi terbaru bagi memenuhi keperluan persekitaran kerja digital.
2. Memastikan infrastruktur mahkamah dalam keadaan yang optimum bagi keselesaan pemegang taruh.
3. Meningkatkan dan memastikan keselamatan siber bagi perkhidmatan ICT lebih terjamin.

Strategi	Program	Objektif Program
S1. Pemeriksaan Perkhidmatan Infrastruktur Pendigitalan	P1. Penambahbaikan Perkakasan, Peralatan dan Perisian ICT.	Memastikan spesifikasi komputer terkini dan memenuhi keperluan pengguna.
	P2. Penaiktarafan Pusat Data.	Memastikan infrastruktur pusat data sentiasa tersedia sebagai platform utama bagi perkhidmatan digital Kehakiman.
	P3. Penaiktarafan Rangkaian	Memastikan kapasiti jalur lebar, prestasi dan kestabilan rangkaian intranet warga PKPMP yang optimum.
	P4. Penyelenggaraan Komprehensif	Memastikan infrastruktur pendigitalan berada dalam keadaan yang optimum
S2. Pemeriksaan Keselamatan Siber	P1. Pewujudan Pusat Keselamatan Siber	Mewujudkan jawatankuasa keselamatan siber peringkat agensi.
	P2. Pengukuhan Keselamatan Siber	Memperkuhkan keselamatan siber daripada ancaman dalaman dan luaran.
	P3. Pengukuhan Infrastruktur Keselamatan Siber	Memastikan keselamatan fizikal dan logikal terjamin

S3. Adaptasi Teknologi Terbaharu dalam Ekosistem Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	P1. Rangka Kerja Adaptasi Teknologi Terbaharu dalam Penyampaian Perkhidmatan PKPMP	Menjadikan rangka kerja sebagai panduan dalam mengadaptasi teknologi terbaharu secara lebih terancang, bersistematik dan mengikut keperluan mahkamah.
	P2. Perlengkapan Fasiliti Komunikasi Jarak Jauh	Memastikan ketersediaan komunikasi jarak jauh lancar.
	P3. Menaiktaraf Infrastruktur bagi <i>Multipurpose Technology Court</i> berasaskan digital dan <i>video conferencing</i> dalam dan luar negara	Menyediakan platform digital sebagai alternatif berbincangan kes mengikut jadual samada secara atas talian atau <i>hybrid</i> .
	P4. Penaiktarafan Sistem <i>Court Recording Transcription</i> (CRT) kepada RVT	Memastikan rakaman perjalanan kes dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna.
	P5. Penyediaan <i>Disruptive Technology</i> - Infrastruktur <i>Voice to Text</i> (VTT)	Memastikan proses automasi jurutrenkas setiap perjalanan kes dapat dilaksanakan dengan lebih pantas dan tepat (<i>accurate</i>).
	P6. Penaiktarafan Kelengkapan Sistem <i>Video Link</i>	Memudahkan proses perbicaraan jarak jauh.

STRATEGI DAN PROGRAM




Strategi	Program	Objektif Program
S1. Pemeriksaan Teknologi Analitik Dan Kepintaran Bisnes Bagi Kehakiman (<i>Data Analytics And Business Intelligence</i>)	P1. Pengenalpastian keperluan analitik dan kepintaran bisnes secara menyeluruh.	Mengenalpasti keperluan analitik dan kepintaran bisnes secara menyeluruh dan mengetahui tahap keupayaan data PKPMP sedia ada.
	P2. Pembangunan <i>Blueprint</i> Analitik dan Kepintaran Bisnes PKPMP.	Merancang dan melaksana inisiatif analitik secara bersepadu dan menyeluruh untuk PKPMP.
	P3. Pelaksanaan Inisiatif Analitik secara <i>Agile</i> .	Menyelaras inisiatif analitik PKPMP bagi mewujudkan keseragaman dan pengurusan yang tangkas di seluruh Malaysia.
S2. Pengukuhan Ekosistem Data Raya Kehakiman (<i>Big Data</i>)	P1. Pembangunan gudang data mahkamah yang bersepadu (<i>data warehouse</i>).	Kesepaduan data PKPMP secara menyeluruh berdasarkan keperluan analitik dan kepintaran buatan yang telah dikenalpasti.
	P2. Pementapan tadbir urus data untuk Penyelarasan Integrasi dalaman dan data diantara PKPMP yang lebih berkualiti.	Mempinawakan tadbir urus data supaya lebih berkualiti dan mudah diuruskan.
	P3. Meningkatkan kaedah pengumpulan data baru bagi kes mahkamah dari	Meningkatkan penambahan data terbaharu supaya analitik dan AI sentiasa <i>trending</i> dan terkehadapan.

	masa ke semasa (<i>Data Acquisition Strategy</i>).	
S3. Pemanfaatan Kepintaran Buatan (<i>Artificial Intelligence</i>)	P1. Penambahbaikan aplikasi AI sedia ada.	• Meningkatkan fungsi dan kebolehpercayaan aplikasi AI melalui peningkatan tahap ketepatan (<i>higher accuracy</i>) cadangan tempoh hukuman.
	P2. Penambahan modul baharu aplikasi AI.	• Menambah fungsi dan keperluan baharu supaya Aplikasi AI sentiasa relevan dan memenuhi keperluan semasa.

TERAS STRATEGI 1: KESEPADUAN PERKHIDMATAN DIGITAL KEHAKIMAN

Strategi 1: Kesepaduan Perkhidmatan Digital eKehakiman



Tempoh Masa
Ogos 2020 –
Ogos 2025

Pemilik Program
e-Kehakiman dan
e-KSS

Keutamaan
Tinggi (e-KSS)
Sederhana (eK)

Sasaran		2021	2022	2023	2024	2025
1	Satu kajian integrasi e-Kehakiman Sabah dan Sarawak dengan Agensi luar	▶▶▶				
2	Satu kajian integrasi e-Kehakiman Sabah dan Sarawak Fasa 2			▶▶▶▶▶		
3	Satu kajian integrasi e-Kehakiman dengan Agensi Luar			▶▶▶▶▶		

2

INISIATIF

Integrasi e-Kehakiman dengan Sistem Agensi Luar

Objektif

Menyeragamkan pengurusan rekod Mahkamah melalui penambahbaikan proses operasi, pelaksanaan sistem e-Kehakiman yang *viable* dari segi kos masa dan kepakaran

Tempoh Masa

Ogos 2023 –
Ogos 2025

Pemilik Program

e-Kehakiman

Keutamaan

Sederhana (eK)

Sasaran		2021	2022	2023	2024	2025
1	Jabatan Bantuan Guaman - iGuaman			◆		
2	Amanah Raya Berhad - Sistem Wasiat			◆		
3	Amanah dan Pusaka (SWAP)			◆		
4	Perbadanan Putrajaya - Sistem eKompau			◆		
5	Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia - Sistem Pengurusan Perburuhan Bersepadu (SPPB)			◆		
6	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (iTanah)				◆	
7	Jabatan Insolvensi (INSIST)				◆	
8	Jabatan Kimia				◆	
9	eCF (LUH)				◆	
10	Jabatan Pengangkutan Jalan (AWAS)				◆	
11	Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (MyLand)					◆
12	National Anti Financial Crime Centre (National Financial Intelligence System)					◆
13	Sidang Video Penjara					◆
14	Sidang Video Mahkamah					◆
15	Sidang Video Mahkamah Teknologi					◆

3

INISIATIF

Integrasi e-KSS dengan Sistem Agensi Luar

Objektif

Menyeragamkan pengurusan rekod Mahkamah melalui penambahbaikan proses operasi, pelaksanaan sistem e-KSS yang *viable* dari segi kos masa dan kepakaran serta Memperluaskan perkhidmatan eKSS dengan agensi luar.

Tempoh Masa
Ogos 2020 – Ogos
2023

Pemilik Program
e-KSS

Keutamaan
Tinggi

Sasaran		2021	2022	2023	2024	2025
1	Jabatan Pengangkutan Jalan	◆				
2	Jabatan Pendaftaran Negara	◆				
3	Polis Trafik Di Raja Malaysia.	◆				
4	Jabatan Penjara		◆			
5	Jabatan Kimia		◆			
6	Jabatan Imigresen		◆			
7	Jabatan Insolvency			◆		
8	Majlis Peguam Malaysia - Sijil Annual and Practicing Certificate (SAPC).			◆		

4

INISIATIF

Integrasi eK dan e-KSS

Objektif

Menambahbaik proses kerja dengan integrasi dari segi integriti data, penjimatan kos dan masa

Tempoh Masa
Ogos 2020 – Ogos
2023Pemilik Program
e-Kehakiman dan
e-KSSKeutamaan
Tinggi

Sasaran		2021	2022	2023	2024	2025
1	Satu modul integrasi bagi proses Kehakiman bagi Mahkamah Persekutuan/Rayuan secara integrasi					

5

INISIATIF


Integrasi dan Migrasi eKehakiman dengan Aplikasi Dalaman

Objektif

Menambahbaik proses kerja dengan integrasi dari segi integriti data, penjimatan kos dan masa

Tempoh Masa
Jan 2022 –
Disember 2024Pemilik Program
e-KehakimanKeutamaan
Tinggi

Sasaran		2021	2022	2023	2024	2025
1	Integrasi e-KSS dengan aplikasi dalaman – eJurubahasa			◆		
2	Integrasi e-KSS dengan aplikasi dalaman – e-Judgement			◆		
3	Integrasi e-Kehakiman dengan RVT			◆		
4	Migrasi aplikasi e-Judgement ke e-Kehakiman (menjadi sub-modul e-Kehakiman)		◆			
5	Migrasi aplikasi e-Lelong ke e-Kehakiman (menjadi sub-modul e-Kehakiman)			◆		



Strategi 2: Pemeraksanaan Digital bagi Perkhidmatan Kehakiman



2

INISIATIF

Sistem e-Bicara

Objektif

Melaksana dan meluaskan penggunaan Sistem e-Bicara

Tempoh Masa
Januari 2022 –
Disember 2025

Pemilik Program
e-Kehakiman /
BTM

Keutamaan
Tinggi

Sasaran		2021	2022	2023	2024	2025
1	Roll Out pertama sistem e-Bicara di mahkamah tinggi Fasa 1 (93 Mahkamah Tinggi)					
2	Roll Out pertama sistem e-Bicara di mahkamah rendah Fasa 2 (337 Mahkamah Rendah)					

3

INISIATIF

Peluasan Sistem e-Court Finance (eCF)

Objektif

Mengoptimumkan penggunaan eCF yang telah dibangunkan.

Tempoh Masa
Januari 2021 –
Disember 2023

Pemilik Program
e-Kehakiman /
BTM

Keutamaan
Tinggi

Sasaran		2021	2022	2023	2024	2025
1	15 lokasi mahkamah (Sarawak dan PATI)					

4

INISIATIF

Peluasan Sistem e-Denda Semenanjung, Sabah dan Sarawak

Objektif


Mengoptimumkan penggunaan aplikasi e-Denda ke seluruh Malaysia.

Tempoh Masa
Januari 2021 –
Disember 2025

Pemilik Program e-
e-Kehakiman /
e-KSS / BTM


Keutamaan
Tinggi

Sasaran		2021	2022	2023	2024	2025
1	Peluasan Seluruh Semenanjung Malaysia					
2	Peluasan Seluruh Sabah dan Sarawak					

**Tempoh Masa**Januari 2021 –
Disember 2021**Pemilik Program**e-Kehakiman /
BTM**Keutamaan**

Tinggi

Sasaran		2021	2022	2023	2024	2025
1	Pembangunan sistem eDenda telah siap sepenuhnya	◆				

**Tempoh Masa**Januari 2022 –
Disember 2023**Pemilik Program**e-Kehakiman /
BTM**Keutamaan**

Tinggi

Sasaran		2021	2022	2023	2024	2025
1	Pembangunan sistem e-Statistik telah siap dibangunkan	◆				
2	Sistem perlu penambahbaikan e-Statistik Jenis Kesalahan		◆	◆		

3

INISIATIF

Menyediakan sistem aduan kerosakan infrastruktur berpusat untuk Ketua Pusat Kos (e-Selenggara)

Objektif

Menambahbaik perkhidmatan melalui pembangunan aplikasi sistem aduan kerosakan.

Tempoh Masa

Januari 2021 – Jun 2023

Pemilik Program

Cawangan
Pembangunan dan
Penyelenggaraan

Keutamaan

Tinggi

Sasaran

2021

2022

2023

2024

2025

- 1 Pembangunan sistem e-Selenggara telah siap dibangunkan



4

INISIATIF

Pembangunan sistem bagi Senarai Semak Ketua Pusat Kos

Objektif

Menambahbaik perkhidmatan melalui inisiatif digital

Tempoh Masa

